

# MIST. CARMINATIVE

Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate (150mg/250mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mist. Carminative
2. Bagaimana Mist. Carminative berfungsi
3. Sebelum mengambil Mist. Carminative
4. Cara mengambil Mist. Carminative
5. Semasa menggunakan Mist. Carminative
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mist. Carminative
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Mist.

### Carminative

Untuk melegakan simptom sakit perut yang berkaitan dengan asid berlebihan dan kembung perut.

## Bagaimana Mist. Carminative berfungsi

Light Magnesium Carbonate adalah antasid dengan tindakan peneutralan. Sodium Bicarbonate meneutralkan rebusan asid di dalam perut.

## Sebelum menggunakan Mist.

### Carminative

#### -Bila tidak boleh menggunakan

Alergik (hipersensitif) terhadap sebarang kandungan di dalam produk.

#### Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

#### -Sebelum mengambil

Berhati-hati jika anda mengalami gangguan fungsi buah pinggang.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Setengah ubat dan Mist. Carminative mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Ia mungkin terjejas oleh Mist. Carminative atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

- Ia boleh mengganggu penyerapan *Tetracycline*.

## Cara mengambil Mist. Carminative

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Mist. Carminative seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

#### **Dewasa:**

10 ke 20ml, diambil apabila perlu.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Mist. Carminative seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### - Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan Mist. Carminative secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- *Hypermagnesemia* (tahap magnesium yang tinggi dalam darah).
- *Hypernatremia* (Peningkatan kepekatan natrium serum).
- Larutan berlebihan

## Semasa menggunakan Mist.

### Carminative

#### -Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mist. Carminative.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Mist. Carminative dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan mengambil bersama *Tetracycline*.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Mist. Carminative boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Kerengsaan mukosa (kerengsaan kulit, sakit kepala dan masalah pernafasan).

# MIST. CARMINATIVE

Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate (150mg/250mg)

---

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
08/09/2017

**Nombor Siri**  
NPRA(R4/1)080917/00247

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Mist. Carminative**

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan antara 15 - 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat dari kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Suspensi putih

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi

Light Magnesium Carbonate dan Sodium Bicarbonate.

- Bahan-bahan tidak aktif

Aromatic Cardamom Tincture, Xanthan Gum, Sodium Methyl Paraben, Sodium Propyl Paraben, Cetylpyridinium Chloride dan Purified Water.

### -Nombor MAL

MAL19962484X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang, Malaysia.